

21 DEC 1999

Parlimen-SPR

DAP SIFATKAN SPR HARIMAU YANG TIDAK BERTARING

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock dalam perbahasan sulungnya di Dewan Rakyat hari ini memilih untuk mengkritik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang disifatkan sebagai "harimau yang tidak bertaring" kerana gagal memastikan pilihan raya ke-10 dijalankan dengan bersih.

Kerk (DAP-Kota Melaka) berkata, SPR sepatutnya bersedia kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi amaran beberapa bulan sebelum Parlimen dibubarkan bahawa pilihan raya kali ini akan menjadi pilihan raya terkotor dalam sejarah negara.

"SPR yang sepatutnya memainkan peranan sebagai pengadil bebas bagi memastikan pilihan raya berjalan dengan adil dan bersih tidak berupaya untuk mengambil langkah pencegahan bagi memastikan amaran itu tidak menjadi kenyataan. SPR, nampaknya adalah harimau yang tidak bertaring dalam sistem demokrasi negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 pada persidangan Dewan Rakyat, di sini.

Menurut beliau, keyakinan rakyat terhadap SPR juga semakin berkurangan berikutan tindakannya untuk tidak membenarkan 680,000 pengundi baru untuk mengundi.

"Walaupun SPR telah memberi penjelasan mengapa pemilih baru yang telah mendaftar pada tahun ini tidak berhak mengundi, rakyat masih tidak faham apakah sebabnya dalam era (teknologi maklumat) ini SPR begitu tidak cekap," katanya.

Beliau berkata, DAP juga tidak berpuas hati kerana iklan-iklan oleh Barisan Nasional (BN) yang menggambarkan demontrasi jalanan disiarkan dalam televisyen dan akhbar arus perdana sepanjang tempoh kempen pilihan raya.

Menurut Kerk, DAP juga mendesak satu penyiasatan bebas dijalankan untuk menyiasat sumber kewangan kempen semua parti politik supaya rakyat mengetahui jika terdapat parti politik yang menerima bantuan daripada perwakilan asing dan syarikat swasta.

Siasatan juga perlu membabitkan parti komponen BN, kerana DAP menganggarkan BN telah membelanjakan wang sebanyak RM50 juta bagi membiayai kempen menakutkan pengundi termasuk belanja pengiklanan dalam televisyen dan akhbar, katanya.

Desakan Kerk itu kemudiannya mendapat reaksi daripada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang bangun bagi meminta penjelasan dengan berkata: "Tiap-tiap kali lepas pilihan raya, parti pembangkang akan minta siasatan dibuat. Ini disebabkan kerana mereka kalah dalam pilihan raya."

Kemudiannya, berlaku pertikaman lidah selama 10 minit antara Syed Hamid dan Kerk apabila Setiausaha Agung DAP itu menuduh kerajaan takut untuk melakukan siasatan kerana takutkan rahsia mereka terbongkar.

Dewan menjadi gamat apabila penyokong kerajaan dan pembangkang saling menepuk meja dan membuat bising sebagai tanda sokongan kepada wakil masing-masing.

-- BERNAMA

NY PR